

CITRA SOSIOBUDAYA MEMBENTUK IDENTITI KEPENGARANGAN PENULIS BUMI KENYALANG: SATU SOROTAN

[SOCIOCULTURAL IMAGE CREATING THE AUTHORSHIP IDENTITY OF SARAWAK AUTHORS: A REVIEW]

*¹DILAH TUAH

tdilah@unimas.my

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

*Corresponding Author

ABSTRACT

The ubiquitous ethnics in Sarawak had created a wide range of creative writings illustrating the locals' sociocultural wisdom. The integration of sociocultural elements in creative writing had not only shaped the identity of the writer, but at the same time define the philosophy on life, value system, belief, culture and viewpoint of the society it describes. In Sarawak, the integration of sociocultural elements in creative writing was found 144 years ago in a writing of Hikayat Panglima Nikosa, written by Ahmad Shawal bin Abdul Hamid in 1876. Since then, sociocultural elements had often become the backdrop for ideas, thoughts, characters and the characterizations as well as views of authors from Sarawak. In addition, this study scrutinizes on the sociocultural illustration in short stories written consciously and subconsciously by five Sarawakian authors who are Jong Chian Lai, Jaya Ramba, Frankie Latit, Radzemah Bolhassan and Clayton Robert. Besides, the study was done through a qualitative approach based on content analysis as the main source for data collection. Content analysis was based on sociocultural illustration such as beliefs, traditions, arts, law, rules, community way of life, local wisdom and value system of the societies in Sarawak. The data obtained will be elaborated through descriptive analysis as the main topic of discussion to complement this study. The outcome of the study found that sociocultural elements is the cause for the production of creative writings by Sarawakian authors that defines the life of the writer. This is a very accurate outcome on the function of creative writing is an interpretation of the author's life and not a sum of transcription about life.

Keywords: sociocultural; short story; identity; Sarawak writer; author

ABSTRAK

Kepelbagaian etnik di Sarawak telah mencipta satu ruang yang cukup besar dalam penghasilan karya kreatif bercitra sosiobudaya yang sarat dengan nilai kearifan tempatan. Penerapan elemen sosiobudaya dalam karya kreatif bukan sahaja berupaya membentuk identiti kepengarangan seseorang, namun pada masa yang sama berupaya membongkar falsafah kehidupan, sistem nilai, kepercayaan, kebudayaan dan sudut pandangan masyarakat yang diceritakan. Di Sarawak, penerapan elemen sosiobudaya dalam karya kreatif telah dikesan sejak 144 tahun yang lalu melalui Hikayat Panglima Nikosa, tulisan Ahmad Shawal bin Abdul Hamid pada tahun 1876. Sejak daripada itu, elemen sosiobudaya sering kali melatari idea, gagasan, watak dan perwatakan serta sudut pandangan

cerpenis dari Bumi Kenyalang. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti citra sosiobudaya yang terbina secara sadar mahupun tidak sadar dalam cerpen lima orang penulis Sarawak iaitu Jong Chian Lai, Jaya Ramba, Frankie Latit, Radzemah Bolhassan dan Clayton Robert. Di samping itu, penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif berlandaskan analisis kandungan sebagai sumber utama pengumpulan data. Analisis kandungan pula berlandaskan citra sosiobudaya seperti kepercayaan, adat istiadat, kesenian, hukum, peraturan, cara hidup masyarakat, kearifan tempatan dan sistem nilai masyarakat di Sarawak. Data-data yang diperoleh akan dihuraikan secara analisis deskriptif sebagai topik utama perbincangan bagi melengkapi penelitian ini. Hasil penelitian mendapati, elemen sosiobudaya sememangnya menjadi pencetus kepada penghasilan karya kreatif dalam kalangan penulis Sarawak serta berupaya membentuk identiti kepengarangan mereka. Hakikat ini amat bertepatan dengan fungsi karya sastera yang merupakan hasil interpretasi pengarang mengenai kehidupan dan bukannya hasil transkripsi kehidupan.

Kata Kunci: sosiobudaya, cerpen, identiti, penulis Sarawak, pengarang

PENDAHULUAN

Perkembangan kesusasteraan di Sarawak terawal dikesan sejak 144 tahun (1876-2020) yang lalu melalui 'Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusahan Waktu Perang Sampai Mendapat Kemenangan', yang terbit pada 30 Jun 1876 karya Ahmad Shawal bin Abdul Hamid. Menurut Hashim Awang (1989), Hikayat Panglima Nikosa dapat dianggap sebagai novel yang pertama di alam Nusantara. Pandangan Hashim Awang (1989) disokong oleh S. Othman Kelantan (2001) yang mengatakan bahawa Hikayat Panglima Nikosa menepati ciri-ciri novel moden. Walaupun menggunakan judul hikayat, namun unsur-unsur dalaman seperti tema, latar, perwatakan, teknik penceritaan dan sudut pandangan berbeza sama sekali daripada hikayat atau roman. Menurut Awang Azman (2010), Hikayat Panglima Nikosa menjadi pemisah antara konsep sastera tradisi atau sastera rakyat yang bercirikan bahawa seseorang pengarang tidak dikenali atau tidak mahu dikenali. Di sisi yang lain, Hikayat Panglima Nikosa tidak hanya berdiri sebagai teks kesusasteraan Melayu terawal dunia, namun turut memaparkan citra sosiobudaya masyarakat Melayu Sarawak yang terlibat dalam aktiviti penanaman mulung (pokok rumbia) dan pemprosesan lemantak (sagu). Pemaparan citra sosiobudaya dalam karya sastera tidak semestinya disadari oleh pengarang, namun pemindahan pengalaman pengarang ke dalam bentuk naratif kreatif pasti mengambil kira tanggapan pengarang terhadap persekitaran sosial masyarakat dalam tempoh zaman ia dihasilkan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Shahnnon Ahmad (1991) yang mengatakan bahawa sastera adalah hati nurani bangsa dan lingkungan hidup sesebuah masyarakat yang terakam di dalam sastera yang tidak boleh disangkal sama sekali.

Selain Hikayat Panglima Nikosa, terdapat sebuah lagi magnum opus Bumi Kenyalang yang mengangkat citra sosiobudaya dalam teks sastera iaitu novel Melati Sarawak karya Muhammad Rakawi Yusuf yang terbit pada tahun 1932. Menurut Hamzah Hamdani (2004), Melati Sarawak merupakan titik terpenting dalam perkembangan persuratan Melayu di Sarawak pada abad ke-20, kerana memaparkan pemikiran dan pengalaman pengarang yang hidup di tengah-tengah masyarakat Melayu Sarawak di Kuching pada awal tahun 1930-an. Novel Melati Sarawak bukan sekadar mengisahkan percintaan antara Harun dan Aminah, namun teras utama novel tersebut berkisar tentang permasalahan sosial yang melanda masyarakat Melayu Sarawak pada ketika itu, yang berpunca daripada permainan gendang perempuan. Menurut Philip L. Thomas (1987) dalam Muhammad

Rakawi Yusuf (1987), 'jika Melati Sarawak dibaca sebagai karya yang bertujuan mengadakan perbaikan dan perubahan dalam masyarakat, maka institusi yang ingin diperbetulkan oleh pengarangnya ialah gendang perempuan'. Biar pun Muhammad Rakawi Yusuf menentang permainan gendang perempuan atau lebih dikenali sebagai gendang Melayu Sarawak dalam karyanya, namun tanpa sedar pengarang sebenarnya telah memasukkan citra sosiobudaya masyarakat Melayu Sarawak dalam karyanya iaitu permainan gendang. Penerapan citra sosiobudaya dalam karya amat bertepatan dengan pandangan Umar Junus (1986) yang mengatakan bahawa karya sastera sebagai dokumen sosiobudaya yang dihasilkan melalui interpretasi dan pemahaman penulis terhadap sesuatu budaya.

Dalam sesebuah karya sastera, penerapan citra sosiobudaya dilakukan secara sedar mahupun tidak sedar oleh pengarang. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kesusasteraan itu pada hakikatnya tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat (Mana Sikana, 1986). Sehubungan itu, pengarang yang juga merupakan ahli masyarakat akan cenderung menulis atau memaparkan pengalaman sosialnya ke dalam karya dengan harapan karyanya itu dibaca oleh masyarakat. Justeru, masyarakat merupakan faktor yang menentukan apa yang harus ditulis, bagaimana menulisnya, untuk siapa karya itu ditulis dan apa maksudnya. Dalam konteks pengarang-pengarang dari Sarawak, kerencaman etnik dan kekayaan budaya yang terdapat di negeri ini telah menjadi pencetus kepada penghasilan karya-karya bercitra sosiobudaya yang akhirnya membentuk identiti kepengarangan mereka. Di samping itu, karya-karya yang dihasilkan tidak hanya berlegar dalam ruang sosiobudaya masyarakatnya sendiri, namun melangkaui sosiobudaya etnik lain seperti novel *Pindah* karya Jong Chian Lai, *Loagan Bunut* karya Dahiri Saini, *Anak Ruma 'Kadang'* karya Mohd Faizal Jamil, *Anak Perawan* karya Abang Median Abang Said serta ramai lagi nama-nama pengarang Sarawak lain yang tidak disebutkan di sini. Melalui karya-karya bercitra sosiobudaya, khalayak pembaca dapat menemukan budaya etnik lain di luar lingkungan budayanya sendiri. Hal ini secara tidak langsung dapat membina jambatan integrasi serta memupuk nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Bersandarkan kepada hakikat tersebut, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti citra sosiobudaya yang terbina secara sedar mahupun tidak sedar dalam cerpen-cerpen lima orang penulis Sarawak iaitu Jong Chian Lai, Jaya Ramba, Frankie Latit, Radzemah Bolhassan dan Clayton Robert.

KONSEP SOSIOBUDAYA DALAM KARYA SASTERA

Konsep sosiobudaya terbina daripada dua perkataan iaitu sosiologi dan budaya. Menurut Nurul Hidayah Liew Abdullah, Jamilah Ahmad & Suhaizal Hashim (2018), sosiologi merujuk kepada bidang ilmu kajian saintifik mengenai interaksi sosial, organisasi, masyarakat, tindakan manusia dan akibatnya serta bagaimana pengaruh sosial mencorakkan kehidupan manusia. Manakala budaya didefinisikan sebagai perkara-perkara berkaitan dengan budi dan akal manusia. Menurut Taylor (1974), budaya didefinisikan sebagai '*Culture or civilization, taken in its wide ethnographic sense, is that complex whole which includes knowledge, belief, art morals, law, customs, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society*'. Di samping itu, budaya juga dilihat sebagai kepercayaan, nilai, tingkah laku dan objek kebendaan yang dikongsikan bersama oleh sekumpulan penduduk tertentu (Macionis, 1987). Budaya kebendaan merupakan sesuatu yang dicipta oleh manusia seperti bangunan, hasil seni, peralatan dan sebagainya. Manakala budaya bukan benda pula terdiri daripada norma, undang-undang, adat istiadat dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat. Manakala sosiobudaya membawa pengertian yang amat luas iaitu meliputi seluruh kehidupan manusia yang menjadi amalan secara berterusan dalam sebuah masyarakat (Siti Khariah

Mohd Zubir, 2013). Sehubungan itu, sosiobudaya dilihat sebagai suatu hubungan masyarakat dengan budaya yang meliputi cara hidup, kepercayaan, sistem nilai, lambang, dan bentuk-bentuk kemasyarakatan serta objek-objek kebendaan yang diwariskan turun-temurun.

Menurut Duhan (2015), sastera merupakan peniruan daripada tindakan manusia, serta menyajikan gambaran tentang apa yang orang fikirkan, katakan dan lakukan dalam masyarakat. Dalam kesusasteraan, terdapat kisah yang dirancang untuk menggambarkan kehidupan dan tindakan manusia melalui watak, perwatakan, tindakan dan reaksi mereka dalam menyampaikan mesej tertentu untuk tujuan pendidikan, maklumat dan hiburan. Justeru, apa yang dilakukan oleh para pengarang adalah mengangkat peristiwa kehidupan nyata dalam masyarakat mereka, ke dalam fiksyen dan menyampaikannya kepada masyarakat sebagai cermin yang dapat dilihat oleh orang lain untuk melakukan perubahan jika perlu. Selain itu, karya sastera yang bermutu kebiasaannya mengandungi elemen sosial, politik, alam sekitar, nilai agama, ekonomi dan domestik masa kini. Bentuk dan gaya sastera berubah seiring dengan perubahan zaman dan masyarakat. Justeru, sastera dianggap sebagai ungkapan masyarakat. Hubungan antara sastera dan masyarakat adalah dua arah iaitu mempengaruhi masyarakat dan dipengaruhi oleh masyarakat. Sebagai contoh, masyarakat menyediakan bahan mentah kepada penulis, tetapi jenis bahan mentah yang sama tidak menghasilkan jenis karya sastera yang sama. Hal ini dikatakan sedemikian kerana sifat bentuk dan gaya sastera bergantung pada pandangan dunia dan kreativiti penulis. Justeru, dalam konteks kepengarangan Bumi Kenyalang, elemen sosiobudaya menjadi bahan mentah yang sama kepada semua pengarang, namun bentuk dan gaya pengolahannya telah berjaya membentuk identiti kepengarangan tersendiri bagi setiap pengarang.

Sehubungan itu, tidak hairanlah elemen sosiobudaya yang menjadi bahan mentah dalam sesebuah karya sastera, dapat ditemui dalam tema, persoalan, plot, bahasa, watak, perwatakan, latar serta sudut pandangan. Dalam kalangan pengarang-pengarang dari Sarawak, elemen sosiobudaya kebiasaannya memenuhi kesemua aspek struktural dalam sesebuah karya sastera. Perkara ini dapat ditemui dalam novel *Pindah* (1988) karya Jong Chian Lai yang mengisahkan tentang perjuangan Ungging dalam mempertahankan rumah panjang, adat istiadat dan pusaka bangsanya yang akan ditenggelamkan oleh Projek Hidro Batang Ai di Bahagian Kedua Sarawak. Membaca novel *Pindah*, sama seperti menelaah sosiobudaya masyarakat Iban di Sarawak yang disampaikan oleh Jong Chian Lai dalam bentuk naratif kreatif. Menurut Abang Haliman (2007), Jong Chian Lai bijak menyampaikan idea budayanya itu tanpa mengatakannya secara terus terang tetapi membiarkan imej dan aksi watak bermain di pentas fiktif secara artistik. Selain Jong Chian Lai, Dahiri Saini antara pengarang Sarawak yang berani keluar daripada kepompong sosiobudaya masyarakatnya sendiri dengan menghasilkan karya-karya kreatif bercitra sosiobudaya daripada etnik lain. Antara karya-karya Dahiri Saini yang mengangkat citra sosiobudaya masyarakat Sarawak ialah novel 'Anak Kejaman Long Segaham', 'Loagan Bunut' dan terbaharu 'Melanau: Aku tidak pernah menolak takdirnya'. Sebagai seorang penulis berketurunan Melayu, jelas Dahiri Saini telah melakukan sesuatu yang cukup berani dan pastinya melalui pengkajian yang rapi, sebelum menghasilkan karya-karya yang sarat dengan citra sosiobudaya di luar konteks budayanya sendiri.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas citra sosiobudaya sememangnya wujud serta menjadi pencetus dalam penghasilan karya-karya sastera di Sarawak. Sejak terbitnya novel Melayu pertama dunia iaitu *Hikayat Penglima Nikosa di Kuching*, pengarang-pengarang dari Bumi Kenyalang seakan tidak pernah berhenti memindahkan kehidupan masyarakat setempat yang dikutip lewat pemerhatian ke dalam karya-karya mereka. Pemaparan sosiobudaya dalam karya sastera bukan sahaja

mengetengahkan budaya setempat kepada khalayak pembaca, namun di sisi yang lain berdiri sebagai sebuah teks sosiobudaya bangsa yang amat berharga.

METODOLOGI

Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif berlandaskan analisis kandungan sebagai sumber utama pengumpulan data. Menurut Rashidi, Begum, Mokhtar & Pereir (2014), analisis kandungan merupakan satu kaedah yang digunakan secara meluas dalam penyelidikan yang meliputi pelbagai bidang dan aplikasinya begitu meluas digunakan. Dalam penelitian ini, analisis kandungan berlandaskan citra sosiobudaya seperti kepercayaan, adat istiadat, kesenian, hukum, peraturan, cara hidup masyarakat, kearifan tempatan dan sistem nilai masyarakat di Sarawak. Sebanyak 10 buah cerpen yang mewakili lima orang pengarang Sarawak iaitu Jong Chian Lai, Radzemah Bolhassan, Jaya Ramba, Frankie Latit dan Clayton Robert akan dianalisis menggunakan pendekatan ini. Pemilihan pengarang dilakukan berasaskan kelompok penulis pelbagai kaum iaitu penulis bukan Melayu yang terdapat di Sarawak. Data-data yang diperoleh daripada analisis kandungan akan dihuraikan secara analisis deskriptif sebagai topik utama perbincangan bagi melengkapi penelitian ini.

PERBINCANGAN ANALISIS

Bahagian ini membincangkan dapatan analisis karya-karya penulis pelbagai kaum di Sarawak. Hasil dapatan kajian ini telah membuka ruang perbincangan yang kritis, dalam membahaskan pengaruh dan kesan elemen sosiobudaya dalam penghasilan karya-karya sastera oleh penulis pelbagai kaum di Sarawak. Perbincangan ini akan memfokuskan lima orang penulis Sarawak iaitu Jong Chian Lai, Jaya Ramba, Frankie Latit, Radzemah Bolhassan dan Clayton Robert.

Kumpulan Cerpen Kepompong karya Jong Chian Lai

Jong Chian Lai merupakan Sasterawan Negeri Sarawak keempat (2014) dan penerima S.E.A Write Award 2006 dari kerajaan Thailand. Dilahirkan pada 10 Oktober 1960 di Kampung Matang, Kuching, Sarawak. Pada awal penglibatannya dalam dunia penulisan, Jong Chian Lai telah menghasilkan sebuah puisi yang bertajuk 'Sepintas Pandang'. Beliau juga pernah menghasilkan drama pentas yang berjudul 'Kembalinya Seorang Bidan'. Walaupun begitu, Jong Chian Lai lebih dikenali sebagai seorang cerpenis dan novelis. Novel yang dihasilkan termasuklah Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga, Pindah, Pemberontakan, Long Busang, Meredah Ombak Keributan, Puteri Uro dan Orang-Orang Kecil, Kota Larangan Qui, Ensera Merga Timur dari St Anthony, Suara dari Riba, Kudengar Degup Cintamu, Buaya Putih Buaya Kudung, Ok Ok dan Ah Fook. Kumpulan cerpen yang pernah dihasilkan oleh Jong Chian Lai termasuk Musim Terakhir, Kepompong, Bunga Rimba, Menganyam Kedukaan, Menziarai Dunia Sebayan, Visiting The World of Sebayan dan Seorang Seekor Lelaki. Sepanjang penglibatan Jong Chian Lai dalam dunia kepengarangan di Bumi Kenyalang, beliau telah memenangi banyak anugerah dan hadiah di peringkat kebangsaan dan negeri. Antaranya Hadiah Sastera Malaysia, Hadiah Novel Esso-GAPENA 1, Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak dan Anugerah Sastera Kebangsaan Negeri Sarawak.

Menurut Hu Ann Leh (2016), Jong Chian Lai banyak menonjolkan hubungan akrab masyarakat Iban di Sarawak dengan alam sekitar dalam karyanya. Masyarakat Iban ialah suku peribumi terbesar di Sarawak. Secara tradisi, kehidupan mereka banyak dipengaruhi oleh alam sekitar. Jong Chian Lai selaku sasterawan negeri Sarawak banyak sekali mendedahkan isu pembalakan dan pembinaan empangan hidroelektrik yang mengancam alam sekitar dan juga kehidupan masyarakat Iban. Dalam hal ini, Jong Chian Lai antara penulis yang tekal dalam memperjuangkan citra sosiobudaya dalam karyanya. Di sisi yang lain, Jong Chian Lai bukan sekadar bermain dengan imaginasi dalam membina karyanya, namun disokong oleh penyelidikan yang rapi sehingga beliau berupaya menghasilkan cerpen-cerpen bercorak sejarah, perhubungan antara kaum, serta sosiobudaya Iban dalam pelbagai cabaran moden dan pembangunannya. Menurut Mohamad Saleeh Rahamad (2007) Jong Chian Lai telah memperlihatkan gaya kepengarangannya yang seragam dalam novel-novelnya. Watak yang diberi fokus atau pembelaan ialah golongan subaltern, dan mereka yang ditindas oleh golongan penguasa melalui tali barut yang disebut comprador, tetapi dalam masa yang sama wujud sikap berbelah bagi antara keinginan membela golongan subaltern dengan keinginan untuk menerima agenda penguasa. Jong Chian Lai bijak menyampaikan idea budayanya secara terus terang tetapi membiarkan imej dan aksi watak bermain di pentas fiktif secara artistik.

Karya Jong Chian Lai terkini ialah novel Ah Fook yang terbit pada tahun 2015. Dalam novel Ah Fook, Jong Chian Lai mengangkat nilai budaya Cina yang bersusur galur dari Tanah Besar China serta budaya tempatan hasil asimilasi Ah Fook dengan penduduk tempatan di Sarawak. Novel ini juga turut memaparkan pertembungan antara budaya Melayu dan Jawa dalam kehidupan orang Cina. Hal ini menjadikan novel Ah Fook sarat dengan kepelbagaian budaya, namun pada masa yang sama sengaja diwujudkan pertentangan terhadap budaya setempat, supaya dapat memperlihatkan perjuangan Ah Fook, dalam melestarikan budayanya di luar Tembok Besar China. Ah Fook adalah dokumentasi budaya, sejarah dan kehidupan orang Cina yang berhijrah ke Sarawak, dalam bentuk naratif kreatif agar hasilnya dapat difahami dan dinikmati oleh generasi kini. Selain itu, novel Ah Fook adalah lanjutan dalam bentuk naratif yang lebih panjang dan rinci tentang perjuangan, kesusahan, jerit payah dan letak duduknya orang Cina dalam peta bangsa Malaysia yang pernah Jong Chian Lai naratifkan dalam cerpen Jalur Gemilang. Keupayaan Jong Chian Lai melukiskan semula sejarah bangsanya, dalam bentuk naratif sastera telah mengangkat Ah Fook sebagai novel ulung pada tahun 2015 serta dinobatkan sebagai pemenang utama Sayembara Penulisan 2 ITBM. Selain itu, kulit novel Ah Fook yang berwarna merah dan ditulis seperti aksara Cina, turut memberi makna kepada novel ini. Nombor empat (四) yang ditulis sebanyak dua kali untuk mengeja 'F四四k' sudah cukup membayangkan kesusahan, kemiskinan, kemelatan dan kematian yang terdapat dalam novel ini.

Dalam membahaskan citra sosiobudaya dalam cerpen-cerpen Jong Chian Lai, penelitian ini akan memperkatakan dua buah cerpen iaitu Jalur Gemilang dan Kepompong yang terkandung dalam Kumpulan Cerpen Kepompong (2000) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kumpulan cerpen tersebut memaparkan kehidupan etnik pelbagai kaum di Sarawak. Kerencaman ini diperkuatkan lagi dengan persoalan yang pelbagai seperti isu politik, ekonomi dan sosial. Kreativiti Jong Chian Lai mengadunkan kesemua unsur yang berkisar dalam masyarakat dan pemaparan imej positif dalam setiap cerpen dapat membangunkan pemikiran dan memberikan kesedaran serta nilai kepada pembaca. Membaca kumpulan Cerpen Kepompong akan membawa khalayak pembaca mendekati dan memahami kehidupan masyarakat bawahan di Sarawak yang sering kali diperjuangkan oleh Jong Chian Lai. Dalam cerpen Anang Insap (jangan merokok), Jong mengangkat tema kempen anti merokok di rumah panjang Iban. Tuan Rumah Jabau yang sebelum ini merokok telah membuang

tabiat buruknya disebabkan kematian cucunya Jelian. Kesedaran terhadap keburukan merokok telah mendorong dirinya sebagai ketua di rumah panjang untuk memulakan kempen tersebut serta mendenda mereka yang merokok di rumah panjang termasuk YB Jantum. Dari satu aspek, persoalan masyarakat yang dibawa oleh Jong Chian Lai dalam cerpen ini agak klise. Namun keupayaan Jong Chian Lai mengadun elemen sosiobudaya yang terdapat dalam masyarakat Iban telah menjadikan cerpen ini cukup istimewa. Penggunaan perkataan Iban seperti Tuai, Aki, Indai, Apai, Nuan, Ucu, tanju, Panggau Libau, Anang, lemambang, bejalai, ngasu, ngabang, gawai, dan datai telah memperkayakan kosa kata pembaca. Di sisi yang lain, watak-watak dalam cerpen ini turut menggunakan nama-nama Iban seperti Indai Jelian, Apai Duat, Indai Duat, Duat, Berendai, Duju, Jelom, Ranga, YB Jantum, dan Penghulu Ungging. Selain itu, Jong Chian Lai turut memanfaatkan latar tempat di rumah panjang dan latar masa semasa sambutan gawai. Bentuk dan gaya penulisan sebegini sememangnya menjadi identiti kepengarangan Jong Chian Lai.

Selain memaparkan citra sosiobudaya masyarakat Iban, karya-karya Jong Chian Lai turut mengangkat persoalan masyarakat pelbagai kaum khususnya di Kuching. Dalam cerpen Jalur Gemilang, Jong Chian Lai mengangkat persoalan perpaduan kaum serta kesediaan untuk menerima budaya setempat bagi mereka yang berhijrah dari Tanah Besar China ke Borneo. Menurut Ha Ann Leh (2017), cerpen Jalur Gemilang memaparkan kejayaan Yong Fook Khui atau Ah Fook dalam menjalin komunikasi antarbudaya dengan masyarakat Melayu dan Jawa di Kuching. Watak-watak seperti Mamat Dolah, Salmah Bojeng, Parno Subowo telah mewarnai kepelbagaian budaya yang sengaja dihidupkan oleh Jong Chian Lai bagi menimbulkan rasa akrab masyarakat di Sarawak. Asimilasi budaya yang ditonjolkan oleh Jong Chian Lai dalam cerpen Jalur Gemilang bukan tercipta daripada imajinasinya semata-mata, namun merupakan sebuah fregmen kehidupan yang benar-benar wujud di Sarawak. Perkahwinan campur antara orang Cina dan Melayu serta peribumi Sarawak lain seperti yang digambarkan oleh Jong Chian Lai, sememangnya berlaku. Hal ini secara tidak langsung membina sebuah keluarga besar yang akhirnya menjadi kunci kepada perpaduan kaum yang ada di Sarawak pada hari ini.

Kumpulan Bunga Pélake karya Radzemah Bolhassan

Penglibatan penulis wanita dalam bidang sastera di Sarawak pada umumnya tidak begitu menggalakkan. Senario ini telah dinyatakan oleh Hazami Jahari (2013) dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Penulis Wanita Sarawak: Membenihkan Gagasan Membangunkan Watan'. Dalam kertas kerja tersebut Hazami Jahari (2013) menyatakan tidak ramai wanita terlibat secara 'bersungguh-sungguh' dalam bidang sastera. Sebahagian besar daripada penglibatan mereka adalah bersifat 'separuh jalan' atau terhenti pada tahap-tahap tertentu. Namun di sisi yang lain, terdapat juga beberapa penulis wanita yang bertahan dalam bidang penulisan kreatif sehingga kini. Antaranya Radzemah Bolhassan, Hajijah Jais, Bibi Sabariah, Rosani Hiplee, Latifah Mohd Sabli dan ramai lagi. Kehadiran penulis wanita biarpun sedikit tetap penting dalam mewarnai dunia penulisan kreatif di Sarawak. Melalui penulisan kreatif, khalayak pembaca akan dapat melihat pemikiran dan falsafah yang ingin disampaikan oleh penulis wanita dalam karya mereka. Gagasan ini penting supaya golongan wanita bukan sahaja berperanan sebagai suri rumah tangga tetapi pada masa yang sama turut menyumbang kepada pembinaan intelektualisme bangsa.

Di Sarawak, biarpun penulis wanita dikatakan tidak 'bersungguh-sungguh' dalam penulisan kreatif, namun kemunculan novelis etnik Melanau dari Belawai iaitu Radzemah Bolhassan telah

banyak mewarnai dunia kesusasteraan di Sarawak. Novel bertajuk ‘Kupohon Kemaafan’ (1998) menjadi novel pertama Radzema Bolhassan yang diterbitkan oleh Rhythm Publishing. Tanpa disedari sepanjang tempoh 24 tahun berkarya, Radzema Bolhassan telah berjaya menghasilkan 26 buah novel, 22 buah cerpen dan 3 buah puisi. Novel terkininya ialah ‘Surat Kecil kepada PM’ (2018) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Selain itu, karya Radzema Bolhassan bukan sahaja diterbitkan oleh DBP tetapi turut menarik minat penerbit-penerbit lain seperti Utusan Publishing dan Pelangi Novel Sdn. Bhd. Sebagai menghargai sumbangan besar Radzema Bolhassan dalam bidang penulisan, pada tahun 2014 beliau telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Sastera Negeri Sarawak 2014 bagi genre novel oleh kerajaan negeri Sarawak. Kecekalan dan ketekunan Radzema Bolhassan dalam berkarya wajar dijadikan contoh kepada penulis muda agar sentiasa bersemangat dalam bidang penulisan kreatif. Sama seperti penulis Sarawak yang lain, Radzema Bolhassan tidak dapat lari dari menjadikan latar sosiobudaya masyarakat sebagai sumber dalam pengkaryaan. Antara karya sosiobudaya beliau yang menonjol ialah novel ‘Salai Lumek’ (2013), ‘Kerana Payak’ (2013), ‘Rahsia Rumah Panjang Sok’ (2013), ‘Kain Tenun Qaseh’ (2013), ‘Sekiu, Oh, Sekiu’ (2013), Misteri Telaga Tum Bratma (2012) dan Kundai (2012).

Dalam membahaskan cerpen bercitra sosiobudaya yang dihasilkan oleh Radzema Bolhassan, Kumpulan Cerpen Bunga Pélake (2013) terbitan Pelangi Novel Sdn. Bhd akan dijadikan sumber perbincangan. Dalam kumpulan cerpen setebal 120 muka surat ini, terdapat tiga buah cerpen yang jelas memaparkan elemen sosiobudaya iaitu Bunga Pélake, Sekiu, dan Jong Ukang. Cerpen Bunga Pélake mengisahkan Zamali yang baru habis menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, telah mengambil bunga Pélake di hutan untuk dihadiahkan kepada Seri di Daro. Pun begitu, bunga Pélake bukan sebarang bunga, kerana penuh dengan misteri yang boleh menjadikan orang yang mengambil dan menyimpannya terkena musibah. Kepercayaan sebegini sebenarnya wujud dalam sosiobudaya masyarakat Melanau yang akrab dengan alam sekelilingnya. Namun begitu, dalam cerpen ini Radzema Bolhassan tidak membiarkan kepercayaan itu terus berkembang sehingga ke ritual pengubatan tradisi Melanau seperti memaku, pengasapan, Baguda', menggunakan Dakan dan Pulun. Radzema Bolhassan sedaya upaya menegakkan syariat serta berusaha menjaga akidah Islam dalam karyanya dengan menukar konsep rawatan tradisi kepada rawatan Islam. Dalam hal ini dapat dikatakan bahawa Radzema bukan hanya memaparkan kisah-kisah misteri yang wujud dalam lingkungan masyarakat Melanau, namun dari aspek yang lain turut memperbetulkan perlakuan watak agar selari dengan pegangan agamanya.

Selain cerpen Bunga Pélake, cerpen Sekiu merupakan sebuah dokumentasi budaya setempat yang menceritakan tentang buah dan minyak Sekiu yang hanya terdapat di daerah Matu. Pada dasarnya cerpen ini hampir menyamai novel Sekiu, Oh Sekiu iaitu watak menumpaskan aktiviti penebangan hutan secara berleluasa. Marina yang merupakan seorang yang agak lembam telah bekerja keras untuk mengusahakan minyak sekiu sehingga berjaya. Dalam cerpen ini, Radzema Bolhassan turut memaparkan kesukaran untuk menghasilkan minyak sekiu. Proses yang rumit serta menuntut kesabaran yang tinggi dapat dilihat melalui watak Adah yang menceritakan proses penghasilan minyak sekiu kepada marina. Justeru tidak hairanlah sebotol minyak sekiu boleh mencecah harga RM100 hingga RM120. Selain itu, gaya penceritaan Radzema Bolhassan dalam cerpen Sekiu sarat dengan nasihat, teladan dan tunjuk ajar khususnya kepada generasi muda. Gaya sebegini sememangnya menjadi identiti Radzema Bolhassan yang gemar mengangkat nilai kekeluargaan dan kasih sayang dalam karyanya. Pun begitu, latar sosiobudaya yang terdapat di dalam

cerpen dan novel Radzemah Bolhassan banyak berkisar dalam ruang lingkup budayanya sendiri iaitu Melanau.

Kumpulan Cerpen Seekor Ular Besar Melingkar di Dada Bantal karya Jaya Ramba

Jaya Ramba bukan nama asing dalam kalangan penulis Bumi Kenyalang. Penulis kelahiran Tinjar Baram, Sarawak ini sering kali mengangkat etnografi masyarakat Iban dalam karyanya. Jaya Ramba begitu berpegang teguh pada anutan, kepercayaan dan budaya nenek moyangnya. Hal ini dikatakan sedemikian kerana karya-karyanya banyak mencuit sisi kepercayaan, adat resam dan pantang larang kaum Iban. Selaku penulis berbangsa Iban, Jaya Ramba menggunakan ruang dan peluang yang ada untuk menggabungkan daya kreativiti yang ada pada dirinya, dengan budaya Iban yang diwarisinya. Sehubungan itu tidak hairanlah karya-karya Jaya Ramba sarat dengan unsur alam, kebatinan dan spiritual yang dapat menjentik debar dan rasa ingin tahu khalayak. Sepanjang terlibat dalam dunia kepengarangan, lebih 10 buah novel dan kumpulan cerpen telah dihasilkan seperti Senja Cinta Warisan, Sempadan Dendam, Dendam Asmara, Bara yang Menyala, Indu Iban Ti Penudi, Sulu Aku Sayau, Pendekar Rimba, Rindu Dataika Mati, Dara Tampun Puji, Sulu Injau dan Puteri Penakluk. Dalam penulisan cerpen, terdapat dua buah kumpulan cerpen Jaya Ramba iaitu Kumpulan Cerpen: Raja Tawanan dan Kumpulan Cerpen: Seekor Ular Besar Melingkar di Dada Bantal.

Kumpulan cerpen Raja Tawanan mengandungi 21 buah cerpen Jaya Ramba yang pernah disiarkan dalam media massa tanah air. Di sisi yang lain, Jaya Ramba dikenali dengan karya-karya yang kebanyakannya berkisar tentang masyarakat peribumi di Sarawak. Menerusi cerpen-cerpennya, Jaya Ramba sangat konsisten dalam menggambarkan budaya dan adat resam masyarakat peribumi Sarawak yang sarat dengan semangat nasionalisme, legenda, mitos, dan pertentangan nilai antara akar budaya tradisi dan konflik yang dicituskan oleh pengaruh modenisasi tanpa menimbulkan sebarang prejudis terhadap kaum lain. Kumpulan Cerpen: Seekor Ular Besar Melingkar di Dada Bantal yang terbit pada 2015 mengandungi 11 buah cerpen yang sarat dengan citra sosiobudaya Iban. Hanya melihat tajuk cerpen yang tersenarai, pembaca sudah dapat menerka watak, latar tempat dan latar sosial yang terkandung di dalam kumpulan cerpen tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian kerana perkataan ‘cawat’, sebayan, Sengalang Burung dan bayak Bapa sememangnya dekat dengan kehidupan masyarakat Iban. Hanya sebuah cerpen yang keluar dari lingkungan budaya Iban namun menarik untuk dibaca iaitu Editor Seorang Tuhan.

Cerpen ‘Kami Bukan Warga Cawat’ merupakan sebuah tindak balas Jaya Ramba dalam membela budaya sirat yang dihina oleh pemimpin politik dangkal. Ketegasan Jaya Ramba dalam mempertahankan budaya kaumnya amat jelas dalam cerpen ini. Bagi Jaya Ramba, Sirat bukan cawat, bukan juga seluar dan baju. Sirat adalah pakaian tradisi Iban yang dipakai oleh para pahlawan sebagai lambang keberanian dan kekuatan. Justeru, bersirat bukan bererti kuno, miskin dan mundur, namun bersirat bermakna melengkapkan budaya, menghormati tradisi dan mengekalkan identiti. Selain sirat, terdapat satu lagi elemen sosiobudaya yang diterapkan oleh Jaya Ramba dalam cerpen ini iaitu upacara adat untuk mendapatkan pengadilan daripada leluhur. Jaya Ramba sememangnya arif dalam menaratifkan upacara adat Iban dengan teliti dari peringkat awal sehingga selesai. Peralatan yang digunakan seperti tikar bercorak tradisi, pinggan berukiran naga, mangkuk, dan dua ekor ayam jantan turut dipaparkan dengan jelas dalam karyanya. Secara keseluruhan, cerpen ini menghantar mesej yang jelas kepada khalayak pembaca tentang perlunya kita memahami budaya masyarakat setempat, agar lebih sensitif dan mengerti dalam memahami kepelbagaian kaum yang terdapat di Malaysia.

Cerpen Jang Sengalang Burung merupakan satu lagi karya sosiobudaya yang telah dihasilkan oleh Jaya Ramba. Cerpen ini berkisar tentang seorang pemuda Iban yang mendapat kuasa luar biasa dari Sengalang Burung. Turut dipaparkan upacara penanaman padi bukit yang penuh dengan adat dan tradisi. Jaya Ramba memperincikan kesemua upacara adat, peralatan dan bahan yang diperlukan dalam cerpennya. Dalam kepercayaan orang Iban, Aki Lang Sengalang Burung Jagu Menaul Tuntung dan abangnya Sempulang Gana merupakan legenda yang dikaitkan dengan Gawai Burung. Sengalang Burung telah ditugaskan oleh Petara untuk bertanggungjawab di atas peperangan dan mengurniakan rezeki yang baik. Beliau mempunyai semua jenis tangkal atau 'pengaruh' untuk melawan musuh. Pun begitu, dalam cerpen ini upacara adat Aki Sengalang Burung telah disongsangkan sehingga mengundang malapetaka kepada mereka yang menugal padi di Bukit Dengil. Secara keseluruhan, cerpen ini sarat dengan sosiobudaya Iban yang menjadi identiti kepengarangan Jaya Ramba. Pembaca di luar budaya Iban pasti terpesona dengan gaya penceritaan Jaya Ramba yang begitu teliti dalam menaratifkan adat, kepercayaan dan ritual masyarakat Iban di Sarawak.

Kumpulan Cerpen Apabila Rama-Rama Dijelmakan Kepompong Epilepsi karya Latit

Frankie Latit merupakan seorang cerpenis Bumi Kenyalang yang mula mencipta nama dalam dunia kesusasteraan di Malaysia. Penulis Iban ini berasal dari Sri Aman dan aktif dalam penulisan cerpen dan puisi. Karya beliau pernah tersiar di majalah dan ruangan sastera akhbar seperti Jendela Sarawak, Dewan Sastera, Tunas Cipta, Dewan Kosmik, Utusan Borneo, Berita Minggu, dan Mingguan Malaysia. Kumpulan cerpen pertamanya berjudul 'Apabila Rama-rama Dijelmakan Kepompong Epilepsi' diterbitkan pada tahun 2017 oleh ITBM. Terbaharu antologi cerpen 'Juwita Dua Hati' terbit pada tahun 2020 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam genre puisi, karya-karya Frankie Latit terbit dalam antologi Dasawarsa (PEKASA) dan Bianglala Melukis Syurga (PENA). Beliau yang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Perubatan telah berjaya mengadun pengalamannya dalam dunia perubatan bersama imaginasi kreatif untuk menghasilkan cerpen-cerpen bercitra sains fiksyen. Sepanjang penglibatan Frankie Latit, beliau pernah memenangi Hadiah Sastera Penulis Sarawak (HSPS) Kategori Cerpen dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2017 dan 2018 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan Hadiah Pertama Cerpen Pelbagai Kaum Peringkat IPTA/IPTS/IPG pada tahun 2012 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Selain itu, beliau pernah memenangi Hadiah Saguhati (Esei) sempena sambutan Bulan Bahasa pada tahun 2007 dan Hadiah Saguhati Peraduan Menulis Cerita Rakyat 2008 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. Beliau ialah ahli Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA), Persatuan Karyawan Sarawak (PEKASA), dan Persatuan Penulis Iban Sarawak (SIWA). Frankie Latit pernah terpilih untuk menyertai Program Bengkel MASTERA (Majlis Sastera Asia Tenggara) : Cerpen di Depok, Indonesia pada tahun 2018.

Memperkatakan tentang cerpen-cerpen Frankie Latit, beliau antara penulis Sarawak yang mempunyai identitinya tersendiri. Cerpen-cerpen Frankie Latit sarat dengan istilah-istilah perubatan dan penyakit yang kini banyak membelenggu kehidupan masyarakat. Selain itu, tajuk cerpennya juga seperti tajuk buku-buku teks perubatan yang pastinya menarik minat pembaca untuk meneroka isu kandungannya. Dalam kumpulan cerpen 'Apabila Rama-rama Dijelmakan Kepompong Epilepsi', Frankie Latit telah menggunakan istilah perubatan seperti Demensia, Apne, Euforia, Diagnosa, Alergi, Diabetes Melitus, Xenoglosia, Myocardial Infarction, Paranoid, Tuberkulosis, Bipolar, Epilepsi, Antibodi dan Vaksinasi. Istilah-istilah ini bukan sekadar menghiasi tajuk cerpen Frankie

Latit, namun turut menjadi tema dan persoalan yang ingin diketengahkan oleh beliau. Dalam cerpen *Figura Demensia dalam Alegori Lukisan*, Frankie Latit menulis tentang Demensia iaitu sejenis penyakit otak yang progresif yang boleh membawa kepada penurunan dalam menjalankan aktiviti harian dan boleh menyebabkan pesakit memerlukan penjagaan masa panjang. Apa yang menarik, Frankie Latit berjaya membahagikan cerpennya kepada dua bahagian iaitu fiksyen dan fakta perubatan. Dalam cerpen ini, Frankie Latit memperkatakan tentang daerah leluhur yang sejarahnya telah dimanipulasi oleh penjajah. Di samping itu, Frankie Latit turut menyelitkan sedikit unsur sosiobudaya iaitu 'ensera', sebuah puisi epik tradisional yang meriwayatkan keperwiraan dan perjuangan wira-wira dari suku kaum Iban yang amat panjang. Pun begitu, Frankie Latit tidak meluaskan peranan 'ensera' dalam cerpennya. Frankie Latit lebih gemar menaratifkan fakta-fakta perubatan dan penyakit yang wujud dalam masyarakat sekitarnya. Jelas, Frankie Latit menggunakan cerpen sebagai alat untuk mendidik pembaca agar mementingkan kesihatan.

Cerpen 'Manisnya Melebihi Diabetes Melitus' merupakan sebuah cereka yang turut memaparkan kritikan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Cerpen ini mengisahkan seorang lelaki yang menghadapi masalah kerugian syarikat, dan pada masa yang sama, didatangi oleh masalah kesihatan secara tiba-tiba. Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga, dia turut mendapat kecelakaan sehingga koma, sewaktu mahu membelasah anak kecil, yang dianggapnya sebagai boneka kepada sindiket pemerdagangan manusia. Dalam keadaan tidak sedarkan diri di hospital, dia sempat berbual dengan 'Suara tanpa wajah', yang berada di sebelah luar. Kehadiran watak 'suara tanpa wajah' telah mengembangkan plot cerpen ini, kepada beberapa buah kisah sedih, yang turut bersangkutan dengan dirinya. Cerpen ini bersifat konvensional, mudah dan tidak sukar untuk difahami. Namun ada isu besar yang mahu diketengahkan oleh pengarang. Cerpen ini bukan sekadar bercerita tentang diabetes yang boleh membutakan, tetapi membicarakan kebutaan manusia, yang dikaburi oleh sikap ego, tamak dan individualistik. Di samping itu, cerpen ini turut memaparkan sikap pascatipikal masyarakat hari ini yang lebih ramai melihat daripada membantu. Berdasarkan dua buah cerpen Frankie Latit yang telah dibincangkan tadi, jelas sama sekali bahawa Frankie Latit antara penulis Sarawak yang lebih terarah untuk mengangkat bidang perubatan dalam karyanya. Biar pun begitu, penerapan sedikit elemen sosiobudaya Sarawak dalam cerpennya, telah berupaya membentuk identiti kepengarangan Frankie Latit yang tentunya berbeza dengan penulis-penulis cerpen Sarawak yang lain.

Cerpen-Cerpen Terpilih Clayton Robert

Clayton Robert berasal dari Kampung Paon Sungai Rimu, Serian, Sarawak. Karya beliau pernah tersiar di *Mingguan Malaysia*, *Pelita Bahasa*, *Dewan Siswa*, *Berita Harian (Ahad)*, *Utusan Malaysia*, *Sinar Harian*, *Tunas Cipta* dan *Utusan Sarawak*. Selain itu, dua buah novel beliau telah diterbitkan iaitu *Cinta Langgi* (Penerbitan Ilham Pesona, 2017) dan *Dayung Kumang* (UUM Press, 2018). Setakat ini, beliau telah menghasilkan 2 buah novel, 18 buah cerpen dan 2 buah puisi. Penglibatan Clayton Robert dalam dunia kesusasteraan mula dikenali apabila memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2017/2018, Hadiah Sastera Penulis Sarawak 2017/2018 dan Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2017. Dua buah cerpen yang menjulang nama Clayton Robert ialah *Bujang Berani* dan *Penjaga Piala*. Dalam cerpen *Bujang Berani*, Clayton Robert telah memilih kisah perjuangan Border Scout dalam mempertahankan negeri Sarawak daripada ancaman komunis melalui watak Babuk Nyong. Selain itu, cerpen ini turut membawa mesej kesedaran pentingnya kita memahami erti kemerdekaan dan menghormati Jalur Gemilang sebagai identiti negara. Dari aspek sosiobudaya, pada

peringkat awal cerpen Clayton Robert telah memaparkan suasana rumah panjang dalam karyanya. Pemaparan ini menjadi latar tempat cerpen ini. Walaupun cerpen ini berlatarkan elemen sosiobudaya, namun Clayton Robert tidak memperincikan nilai kebudayaan Bidayuh dalam karyanya. Clayton Robert lebih tertarik untuk memperincikan sumbangan Babuk Nyong yang turut menjadi watak utama dalam cerpen tersebut. Hal ini secara tidak langsung memudahkan kefahaman pembaca dalam menghayati pengorbanan para pejuang kemerdekaan. Di sisi yang lain, Clayton Robert berjaya menyemai semangat patriotisme dan nasionalisme dalam khalayak pembaca khususnya generasi muda. Pada tahun 2017, cerpen ini terpilih sebagai penerima Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2017.

Dalam cerpen Penjaga Piala, Clayton Robert mengangkat martabat wanita sebagai penjaga rumah kepala iaitu tempat tengkorak manusia disimpan hasil daripada ekspedisi ngayau kaum Iban. Melalui watak Yung Sofia, Clayton Robert mewujudkan pertentangan atas dasar seksisme. Hal ini disebabkan ramai yang beranggapan bahawa penjaga rumah kepala mesti dalam kalangan orang lelaki dan bukannya wanita. Dasar diskriminasi jantina ini telah menyebabkan Yung Sofia meletak jawatan walaupun dia merupakan antara individu yang paling layak untuk menyandang jawatan tersebut. Dari sudut sosiobudaya, cerpen ini berlatarbelakangkan budaya masyarakat Iban pada kaca mata penulis Bidayuh. Penggunaan istilah manang, miring, ngayau, dan Tuai rumah jelas memperlihatkan pengaruh sosiobudaya Iban dalam cerpen tersebut. Sama seperti cerpen yang pertama, Clayton Robert hanya menggunakan latar tempat dan watak masyarakat Iban dalam cerpennya. Clayton Robert tidak berusaha untuk memperincikan elemen budaya dalam karyanya seperti mana yang dilakukan oleh Jong Chian Lai dan Jaya Ramba. Pun begitu, dari satu sudut yang lain, Clayton Robert ternyata berjaya membangunkan sebuah karya yang mampu mengangkat martabat wanita sehingga menobatkan cerpen ini sebagai penerima Hadiah Sastera Perdana Malaysia dan Hadiah Sastera Penulis Sarawak 2017/2018.

KESIMPULAN

Teks sastera merupakan dokumen budaya kerana di dalamnya terkandung seribu rancak kehidupan manusia yang bersangkutan dengan adat, kepercayaan, cara hidup, pemikiran, hasil cipta dan sebagainya. Hal ini bertepatan dengan pandangan Arjun Dubey (2013) yang mengatakan sastera sebagai sebuah ungkapan kehidupan individu dan masyarakat di sekelilingnya (*literature is an expression of society*). Daripada sepuluh buah cerpen yang telah dibincangkan di atas, jelas sekali kesemua penulis-penulis dari Bumi Kenyalang memanfaatkan kekayaan dan kerencaman sosiobudaya Sarawak dalam karya mereka. Antara yang paling menonjol ialah Jong Chian Lai dan Jaya Ramba, kerana kedua-duanya begitu rinci dalam menaratifkan persoalan adat dan kepercayaan dalam karya-karya mereka. Dalam penelitian ini, terdapat satu penemuan penting dalam menyanggah pandangan tentang penulis-penulis Sarawak yang dikatakan hanya mengangkat citra tempatan dalam karya. Frankei Latit antara penulis Sarawak yang berjaya membina alur kepengarangannya sendiri di luar persoalan sosiobudaya. Identiti sebegini amat penting dalam menyuburkan dunia kepengarangan di Sarawak yang sering kali dilihat terikat dengan pergelutan budaya dan masyarakat setempat. Di samping itu, kajian ini juga menemukan khalayak pembaca dengan seorang penulis muda yang mula mencipta nama dalam dunia penulisan cerpen iaitu Clayton Robert. Gaya penulisan walaupun masih terikat dengan tema dan isu-isu sosiobudaya, namun Clayton Robert berupaya mengangkat persoalan-persoalan baharu dalam karyanya seperti yang dapat ditemui dalam cerpen Penjaga Piala. Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa elemen-elemen sosiobudaya

sememangnya melatari landskap penulisan pengarang-pengarang dari Sarawak dan perkara ini secara tidak langsung membentuk identiti kepengarangan mereka.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah hasil daripada kertas kerja Seminar Sastera Pelbagai Kaum IV 2020 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan ASWARA Malaysia pada 7 Oktober 2020. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, ASWARA, Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (penulis merupakan calon PhD) dan penulis-penulis Sarawak yang karyanya dikupas dalam tulisan ini.

RUJUKAN

- Abang Haliman Haji Abang Julai. (2007). Wacana Pemikiran Jong Chian Lai. *Berita Harian*, 21 Februari 2007.
- Ahmad Shawal Abdul Hamid. (1983). *Hikayat Panglima Nikosa*. Kuching: Persatuan Kesusasteraan Sarawak.
- Arjun Dubey. (2013). Literature and Society. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*, Volume 9, Issue 6, 84-85.
- Awang Azman Awang Pawi. (2010). Transformasi Sosial dalam Magnum Opus Borneo: Teks dan Konteks. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 28 (1). 83-98.
- Clayton Robert. (2018a). Penjaga Piala. *Mingguan Malaysia*, 8 Julai 2018.
- Clayton Robert. (2018b). Bujang Berani. *Mingguan Malaysia*, 17 September 2017.
- Duhan, Roshni. (2015). The Relationship between Literature and Society. *Language in India*, Vol. 15 Issue 4, 192-202.
- Frankie Latit. (2017). Kumpulan Cerpen Apabila Rama-Rama dijelmakan Kepompong Epilepsi. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Hamzah Hamdani. (2004). *Pertumbuhan dan Perkembangan Sastera Melayu di Sarawak*. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1989). *Novel Hikayat: Struktur Penceritaan Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Hazami Jahari. (2013). Penulis Wanita Sarawak: Membenihkan Gagasan Membangunkan Watan. Simposium Penulis Wanita 2013 pada 24 Ogos 2013 di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- Hu Ann Leh. (2017). *Tautan Budaya Dalam Fiksyen Jong Chian Lai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hu Ann Leh. (2016). *Masyarakat Iban Dan Alam Sekitar Dalam Fiksyen Terpilih Jong Chian Lai: Satu Kirtikan Keadilan Ekologi*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Sastera, Universiti Sains Malaysia
- Jaya Ramba. (2015). *Kumpulan Cerpen Seekor Ular Besar Melingkar di Dada Bantal*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Jong Chian Lai. (1988). *Pindah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian Lai (2009). *Kumpulan Cerpen Kepompong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian Lai. (2015). *Ah Fook*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

- Macionis, J.J. (1987). *Sociology*. New Jersey: Prentice Hall.
- Mana Sikana. (1986). *Kritikan Sastra: Pendekatan dan Kaedah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2007). Citra Subaltern, Comprador, dan Ambivalence dalam Novel Novel Jong Chian Lai: Analisis Studi Budaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, Volume 9, No. 1, 2007, 109-124.
- Muhammad Rakawi Yusuf. (1987). *Melati Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Hidayah Liew Abdullah, Jamilah Ahmad & Suhaizal Hashim. (2018). Peranan Sosiologi dalam Pendidikan Alam Sekitar: Satu Cabaran. *Online Journal for TVET Practitioners*. 3(1). 1-8.
- Radzema Bolhassan. (2013). *Bunga Pélake*. Johor Bahru: Pelangi Pictures Sdn. Bhd.
- M. N. Rashidi, R. Ara Begum, M. Mokhtar, & J. J. Pereira. (2014). Pelaksanaan analisis kandungan sebagai metodologi kajian bagi mengenal pasti kriteria pembinaan lestari. *Journal of Advanced Research Design*, Volume 1, No. 1, October 2014, 18-27.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastra Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2013). Pemilihan Buku Teks Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Berasaskan Teori Sosial. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 25 – 41
- Syed Othman Syed Omar. (2001). *Novel Malaysia: Catatan Sejarah Awal (Bahagian Satu)*. Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1 Disember. 2001.
- Tylor, Edward B. (1958). *Primitive Culture*. New York: Harper.
- Umar Junus. (1986). *Resepsi Sastra Sebuah Pengantar*. Jakarta: Gramedia